

TARIKH	RABU, 27 JANUARI 2021
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	MOA JALANKAN PENYELIDIKAN NADIR BUMI
M/S	17
BIDANG	NUKLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	RARE EARTH, MOA

Putrajaya: "Jangan main re-
dah sahaja melakukan aktiviti
perlombongan (nadir bumi) seperti
sebelum ini," kata Ketua Pengarah
Agensi Nuklear, Dr Siti A'iasah Hashim.

Menurutnya, sebelum ini
kebanyakan industri perlombongan
menjalankan aktiviti itu di kawasan
yang kurang bersesuaian dan
memberi kesan kepada alam
sekitar.

Beliau berkata, keputusan
Agensi Nuklear memeterai
Perjanjian Kerjasama (MoA)
bersama Greensnow Technology
Sdn Bhd (GTSB) bagi menjalankan
penyelidikan dan perlombongan
Nadir Bumi Tidak Beradioaktif
(NR REE) mampu mengatasi
masalah itu.

Beliau berkata, penyeli-
dikan bersama itu dapat mengenal
pasti tapak perlombongan yang
sesuai serta menepati aspek kawalan
alam sekitar.

"Kerjasama ini akan membuka
jalan kepada industri perlombongan.
Menerusi perjanjian ini, Agensi
Nuklear dapat mengenal pasti
terlebih dahulu lokasi yang
dianggap bersesuaian sebelum
aktiviti perlombongan dijalankan.

"Selain perlombongan mineral
baharu iaitu nadir bumi, kita juga
akan menemui bahan (galian) lain
yang lebih mudah dilombong serta
berharga serta mampu meningkatkan
taraf ekonomi negara," katanya
dalam sidang media secara dalam
talian selepas Majlis Penyerahan
MoA antara Agensi Nuklear dan
GTSB, semalam.

Dr Siti A'iasah berkata, kos
penyelidikan dan pembangunan
(R&D) itu berjumlah RM450,000
dan akan dibiyai GTSB.

Tambahnya, projek bersama
GTSB itu akan diadakan selama
12 bulan.

"Antara kajian dilaksanakan
adalah mengesan perlombongan
dengan menggunakan teknik
insitu leaching bagi meleraikan
unsur-unsur nadir bumi yang
berharga seperti *neodymium*,
praseodymium, *cerium* dan
lain-lain yang terdapat dalam
tanah liat serta batuan.

"Teknik ini semakin diminati
kerana ia tidak memberi gangguan
yang ketara kepada ekosistem
dan alam sekitar sekiranya
kawalan dan pemantauan
dilakukan dengan rapi.

"Kesan yang hadir adalah
berkemungkinan daripada
pencemaran air tanah akibat
ketirisan bahan kimia yang
digunakan sebagai pelarut
atau pemanangin untuk
memisahkan unsur-unsur yang
dikehendaki daripada tanah
dan batuan dengan menggunakan
kajian *Ammonium Sulphate*.

"Sehubungan itu, projek ini
dilaksanakan untuk mengkaji
kemungkinan berlakunya
pencemaran air tanah
sekiranya perlombongan
dijalankan pada masa akan
datang," katanya.

Sementara itu, Ketua
Pengarah Eksekutif GTSB, Datuk
Nik Abdul Mubin Nik Mahmood
berkata, ekstrak nadir bumi
masih baharu di negara ini
namun ia akan memberi manfaat
yang besar contohnya kepada
industri elektronik dan perubatan.

"Lokasi untuk adakan projek
ini sudah ada, namun belum
diputuskan. Berkemungkinan
besar ia akan diadakan di
beberapa negeri seperti
Kelantan, Pahang, Perak dan
Kedah.

"Diharapkan projek ini dapat
dilaksanakan secepat mungkin
iaitu Februari depan selepas
pelaksanaan Perintah Kawalan
Pergerakan Bersyarat (PKPB),"
katanya.

MoA jalankan penyelidikan nadir bumi



DR Siti
A'iasah